

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

## Harga bahan mentah naik 30 peratus

### Harga bahan mentah naik 30 peratus

**Johor Bahru:** Bekalan hasil laut yang berkurangan sebanyak 50 peratus berikut musim tengkujuh menyebabkan harga bahan mentah di bandar raya ini meningkat sehingga 30 peratus.

Tinggian di pasar basah di Tampoi, di sini mendapati ikan dan hasil laut yang dijual meningkat berkurangan, malah kebanyakan lot niaga menjual produk laut sejuk beku termasuk yang diimport.

Peniaga hasil laut yang mahu dikenali sebagai Aman, berkata bekalan hasil laut terutama ikan berkurangan 50 peratus menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, antara ikan kesukanan ramai yang tiada bekalan termasuk kembung, selayang, lolong dan selar hijau.

"Sekarang bekalan ikan tempat tidak, terutama kembung walaupun orang ramai cari. Sejak awal bulan lalu, penjual lebih banyak menjual bekalan ikan sejuk beku yang diimport.

"Ikan kembung yang dijual ketika ini adalah ikan sejuk beku dari luar negara yang dijual RM15 sekilogram (kg). Kalau ada kembung tempoh, harganya akan jadi lebih mahal iaitu antara RM18 hingga RM22kg."

\* "Harga udang pun memang tidak turun dan kini dijual antara RM30 hingga RM38kg mengikut saiz, manakala setiap kg dijual antara RM22 hingga RM30kg."

"Ikan selar hijau pun naik kepada RM22kg, berbanding RM16 sebelum ini," katanya ketika dimintai semalam.

Media bulan lalu melaporkan, bekalan ikan di seluruh negara bakal berkurangan sehingga 50 peratus susulan musim tengkujuh, sekali gus menyebabkan harga hasil laut itu naik sehingga dua kali ganda.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, dilaporkan berkata bagi mengatas masalah itu LKIM akan terus menyediakan ikan sejuk beku untuk membantu rakyat.

Katanya, kekurangan stok bekalan ikan akan ditampung dengan ikan sejuk beku, ikan air tawar serta ikan import.

Dalam pada itu, pengguna ditemui memilih untuk terus membeli ikan walaupun berlaku kenaikan harga.

Nor Azura Md Amin, 36, berkata kenaikan harga ikan dan hasil laut walaupun membebankan tetapi ia adalah keperluan untuk hidangan keluarga.

"Harga ikan termasuk kembung, selar kuning dan cencaru memang naik, namun saya pilih beli ikan yang murah berikutnya harga turun lagi dapat ditawar, apakah lagi harganya juga bergantung pada saiz ikan."

"Kalau tak beli ikan, takkan pengguna nak makan ayam setiap hari. Harga ayam pun boleh tahan mahal," katanya.